



LAPORAN LIPUTAN MEDIA SELASA / 20 FEBRUARI 2018

- 1. PROJEK GILA JADI KENYATAAN**
 - SINAR HARIAN

- 2. 2,000 PENDUDUK BERA MENFAAT JUALAN MURAH**
 - BERITA HARIAN

- 3. PERLUASKAN PERTANIAN BANDAR KEPADA KRT**
 - KOSMO

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

Projek gila jadi kenyataan

Amir kini boleh
berbangga kejayaan
usahakan rumah bot
di Tasik Pedu

MOHD RIFAAT ABD HAMID

KUALA NERANG

Bermodalkan wang simpanan dan sedikit pengalaman bekerja di sebuah resort menjadi keazaman kepada Amir Wahab, 42, dari Kampung Musa, Pedu mengusahakan rumah bot di Tasik Pedu.

Menurut Amir, ketika men-ceburi perniagaan pada 2013 itu pelbagai tohmahan dilemparkan kepadanya untuk mengusahakan perniagaan rumah bot.

"Saya dianggap gila oleh pihak tertentu kerana sebelum ini di Tasik Pedu sebuah resort bertaraf antarabangsa dibina di situ tetapi gagal dan akhirnya ditutup.

"Apabila saya bercita-cita untuk buka perniagaan secara rumah bot, ada yang kata saya gila. Kita mereka kerajaan dah melabur berjuta ringgit untuk majukan resort di tasik itu tetapi gagal, apatah lagi saya banya bermodalkan dari wang simpanan RM30,000 sahaja," katanya.

Bagaimanapun kata-kata itu dianggapnya sebagai cabaran untuk berjaya dan sehingga kini perniagaannya terus mendapat

sambutan dalam kalangan masyarakat tempatan dan luar.

"Alhamdulillah sehingga hari ini sambutan saya sungguh menggalakkan dan dengan bantuan media sosial serta rakan-rakan menyebabkan rumah bot saya sering dikunjungi pelancong.

"Memang pada awalnya saya juga hadapi masalah kerana terpaksa tanggung kos tinggi serta persepsi masyarakat sebelum ini mengenai tasik itu yang dikatakan semakin sunyi. Selama dua tahun saya tanggung kerugian dan akhirnya apabila kian dapat sambutan perniagaan saya semakin maju," katanya.

Menurut Amir, selain keindahan alam yang menarik, menu makanan yang dihidangkan kepada pengunjung juga turut menarik minat mereka untuk tinggal di situ.

"Pelbagai menu turut kami sediakan tetapi yang paling menarik ialah makanan kampung.

"Semua ikan yang dimasak adalah hasil tangkapan dari tasik itu dan pelbagai jenis ikan boleh didapati di tasik. Di antaranya tebrau, baung, jelawat, tilapia dan kaloi. Menu itu bertambah menarik lagi dengan hidangan pelbagai ulaman yang ada dari sekitar tasik itu," katanya.

Kejayaan itu dapat dirasai apabila pengunjung yang pernah datang ke situ sudah pasti akan datang semula bagi menikmati makanan kampung serta menikmati keindahan



Rumah bot yang diusahakan oleh Amir mendapat sambutan menggalakkan di Tasik Pedu.

info • Bermodalkan
RM30,000
• Promosi
melalui media sosial

alam di sekitar Tasik Pedu.

Bagi meneruskan usahanya itu, beliau bercadang membina sebuah rumah bot lagi bagi menampung permintaan pengunjung.

"Saya sangat berterima kasih kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) yang banyak membantu perniagaan ini dengan menambah prasarana serta sering membawa peserta ke rumah bot itu," katanya.



Pengunjung boleh melakukan spa ikan sambil menikmati hidangan.

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 20 FEBRUARI 2018 (SELASA)
PERKARA : PROGRAM

Ms.14

Selasa, 20 Februari 2018 BH

KEPENGUNAAN

2,000 penduduk Bera manfaat jualan murah

➔ Program bantu ringan beban rakyat diterus: Ismail Sabri

Oleh Noor Ainum
Ibnu Hajar Abu Seman
news@nstp.com.my

► Bera

Program Jualan Sentuhan Rakyat yang diadakan di pekarangan Pasaraya Agro dekat sini, bermula semalam akan diteruskan, tertakluk kepada keperluan dan stok barangan yang ada. Menteri Kemajuan Luar Bandar

dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata program itu mungkin diadakan satu atau dua kali sebulan dengan menawarkan harga keperluan asas pada harga lebih murah.

"Program (Jualan Sentuhan Rakyat) ini diberikan diskaun bagi meringankan beban masyarakat di Bera. Harga ditawarkan jauh lebih murah daripada harga pasaran."

"Kebanyakan barang yang dijual adalah keperluan asas seperti beras,



Ismail Sabri meninjau gerai jualan selepas merasmikan Program Jualan Sentuhan Rakyat di Bera, semalam.

tepung dan ayam. Kita akan adakan lagi program ini di Bera, mungkin sekali sebulan dan dua kali sebulan pada masa akan datang," katanya ketika merasmikan Program Jualan Sentuhan Rakyat di sini, semalam.

Program itu digerakkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dengan kerjasama Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Pasaraya Agro.

Ismail Sabri yang juga Ahli Par-

limen Bera berkata, beliau turut memaklumkan kerajaan akan melanjutkan program yang boleh membantu meringankan beban rakyat, termasuk menyemak semula program sedia ada bagi memastikan isu membabitkan pengguna dan peniaga dapat diberi perhatian sewajarnya.

Penduduk sambut baik program
Sementara itu, kira-kira 2,000 penduduk sekitar Parlimen Bera tidak

melepaskan peluang mendapatkan pelbagai barangan keperluan asas yang dijual menerusi program ini.

Suri rumah, Nur Laili Abdullah, 45 dari FELDA Bukit Kepayang, di sini berkata, beliau dan rakan datang seawal jam 8 pagi semalam untuk mendapatkan barangan dapur pada harga berpututan.

"Saya tidak mahu ketinggalan kerana harga barang yang murah di sini belum tentu boleh dapat di tempat lain," katanya.



Kawasan lapang seluas 0.2 hektar telah dibersihkan oleh KRT Taman Lobak/Cili untuk projek pertanian bandar.

Perluaskan pertanian bandar kepada KRT

KULIM - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Daerah Kulim-Bandar Baharu akan memperluaskan aktiviti pertanian dalam bandar di kawasan rukun tetangga (KRT) di daerah ini, dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan isi rumah.

Pegawainya, Noorassemah Abdullah berkata, program pertanian dalam bandar ini salah satu cara jabatan bersama Jabatan Pertanian membantu penduduk di sesebuah KRT menambah pendapatan mereka.

"Ini usaha kita untuk bantu tingkatkan pendapatan masyarakat khususnya dalam bandar melalui pertanian.

"Kita akan membuka beberapa lagi kawasan pertanian mengikut permintaan KRT di daerah ini, setakat ini sambutan dan permin-



NORASSEMAH

taan menggalakkan," ujarnya.

Katanya, setakat ini satu kawasan pertanian dalam bandar telah dibuka iaitu di Taman Lobak/Cili seluas 0.2 hektar.

"Setakat ini kita sudah dapat satu permintaan di kawasan Taman Lobak/Cili, kelulusan Majlis Agama Islam dan Majlis Perbandaran Kulim juga telah dapat. Kerja pembersihan sedang dijalankan.

"Kawasan seluas 0.2 hektar ini akan diusahakan tanaman jagung," katanya.

Menurutnya, aktiviti pertanian ini juga dapat mengisi masa lapang dan memupuk agenda pertanian di kalangan rakyat.

"Kalaupun mereka tak mahu jual, ia boleh dimakan sendiri, lebih segar dan bersih tanpa bahan kimia. Agenda pertanian juga dapat dipupuk," katanya.